

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 14 D/NEGERI 13/1/2025
(ISNIN)

Virus demam babi Afrika dikesan di Sabah

KOTA KINABALU: Keningau disyiharkan sebagai zon merah susulan penyakit demam babi Afrika (ASF) dikesan semula di daerah berkenaan pada 7 Januari lalu.

Setakat ini, sebanyak 12 daripada 20 ekor babi kampung telah dilupuskan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr. Jeffrey Kitingan berkata, setakat ini satu kes telah dikesan di Keningau dan pelupusan serta kawalan pergerakan babi di ladang ternakan berkenaan telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Keningau.

Beliau yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah berkata, berdasarkan siasatan lapanan, ternakan babi tersebut menunjukkan tanda-tanda klinikal seperti kurang selera makan, lemah, hidung berair dan akhirnya mati.

“Sampel telah diambil, diuji dan keputusan makmal adalah positif terhadap penyakit ASF. Tindakan kawalan pantas telah diambil oleh pihak DVS selaras dengan arahan di bawah Subseksyen 45(2) Enakmen Haiwan 2015 dengan mengenakan sekatan kawalan pergerakan babi dan produk babi daripada daerah Keningau.

“Melakukan pengawasan aktif dan pasif di seluruh Sabah bagi memastikan penyakit ini tidak menular. Di samping itu, penternak dinasihatkan untuk mempertingkat biosukuriti ladang dan kandang



Sampel telah diambil, diuji dan keputusan makmal adalah positif terhadap penyakit ASF.”

JEFFREY KITINGAN

menternak,” katanya dalam kenyataan semalam.

Orang awam terutama penternak dan pengusaha ladang babi justeru dinasihatkan untuk melaporkan kejadian babi sakit atau mati yang berlaku berterusan kepada mana-mana pejabat DVS terdekat untuk tindakan segera agar penyakit dapat dikawal dengan kadar segera.

Jeffrey berkata, Keningau pernah diisyihar daerah dijangkiti ASF pada 1 Julai 2021 namun tiada kes terbaharu dikesan pada babi hutan.

“Semua ladang babi komersil di Tawau, Sandakan, Tenom, Papar, Tuaran dan Penampang juga menurutnya masih bebas penyakit ASF.

“Sekali lagi diingatkan bahawa ASF hanya menjangkiti ternakan babi sahaja dan tidak bersifat zoonotik yang boleh menjangkiti manusia. Masyarakat tidak perlu risau akan kesan ASF terhadap kesihatan manusia,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MINGGU BINEGERI 13/1/2025 (ISNIN)

Tabung kebajikan bantu rawat 241 pesakit

KOTA BHARU: Tabung Kebajikan Pesakit Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) berjaya membantu 241 pesakit yang terdiri daripada individu kurang berkemampuan, miskin dan menerima rawatan pelbagai jenis penyakit sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Pengarah HPUSM, Prof. Datuk Dr. Ab. Rahman Izaini Ghani @ Ab. Ghani berkata, peruntukan sebanyak lebih RM630,000 dikeluarkan untuk rawatan perubatan menerusi tabung itu bermula 2019.

Katanya, pesakit yang dibantu menerusi Tabung Kebajikan Pesakit HPUSM itu terdiri daripada golongan B40 iaitu individu tidak berkemampuan, miskin dan daif selain yang sudah berusia.

“Tabung ini ditubuhkan pada 1987. Mengikut data dalam tempoh lima tahun sehingga tahun lalu, seramai 241 pesakit yang menghidap kanser, jantung,



DR. AB. RAHMAN Izaini Ghani @ Ab. Ghani (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada penyumbang dalam Majlis Makan Malam Amal Tabung Kebajikan HPUSM Kelantan di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

masalah saluran pembuluh darah, tulang dan lain-lain yang memerlukan kos rawatan tinggi sudah dibantu.

“Bantuan yang disalurkan menerusi tabung itu antaranya peralatan perubatan, perubatan

sokongan, prostesis (ubat gantian secara buatan bagi sesuatu bahagian tubuh yang hilang), makanan khas dan ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh HPUSM,” katanya pada Majlis Makan Malam Amal Tabung Ke-

bajikan HPUSM Kelantan di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Ab. Rahman Izaini berkata, bantuan Tabung Kebajikan Pesakit HPUSM diperoleh menerusi dana sumbangan pelbagai pihak termasuk daripada korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.

Katanya, HPUSM yang mempunyai kepakaran, selain doktor berpengalaman dalam bidang rawatan perubatan masing-masing bersedia untuk membantu pesakit yang kurang berkemampuan.

“Kita membantu pesakit tidak kira bangsa atau agama. Kelayakan mereka diuruskan oleh Unit Kerja Sosial Perubatan HPUSM sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pesakit HPUSM.

“Paling penting adalah rakyat Kelantan perlu dijaga dan HPUSM menjadi landasan untuk membantu pesakit sebaik mungkin,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

KOSMO! ISNIN 13 JANUARI 2025

Kosmo M/S 10 NEGARA 13/1/2025 (ISNIN)

Ramai takut HMPV jadi macam Covid-19

SUDAH lima tahun berlalu negara kita dikejutkan dengan penularan pandemik Covid-19 yang meragut nyawa sebanyak 36,387 orang.

Jujurnya, masih segar lagi dalam ingatan saya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana berbulan-bulan lamanya saya terpaksa terpisah dengan keluarga, apatah lagi mereka yang kehilangan orang tersayang angkara wabak tersebut.

Kini, negara di Asia Timur berdepan satu lagi ancaman virus yang menyerang sistem pernafasan iaitu human metapneumovirus (HMPV) apabila penularan virus ini semakin meningkat di China.

Susulan peningkatan HMPV itu, orang ramai mula meluahkan perasaan bimbang sekiranya keadaan seperti semasa pandemik Covid-19 berulang kembali.

Bagaimanapun, HMPV bukanlah satu penyakit baru, malah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad memaklumkan KKM telah mengesan 327 sampel positif HMPV sepanjang 2024 berbanding 225 pada 2023.

Beliau berkata, virus tersebut merupakan salah satu jangkitan saluran pernafasan



“

Simptom HMPV lebih kurang Covid-19, individu yang mengalaminya akan bergejala seperti batuk, demam, malah HMPV juga boleh berjangkit melalui pernafasan.”

disebabkan virus dalam keluarga Pneumoviridae. “Di Malaysia, jangkitan HMPV juga tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342),” katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Pakar Kesihatan Komuniti,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, HMPV mempunyai simptom seakan-akan Covid-19 ataupun influenza, namun meningkat terutama semasa musim sejuk.

“HMPV ini bukan virus baru, cuma baru-baru ini kes meningkat di China terutama dalam kalangan kanak-kanak menyebabkan ramai yang bimbang.

“Simptom HMPV lebih kurang Covid-19, individu yang mengalaminya akan bergejala seperti batuk, demam, malah HMPV juga boleh berjangkit melalui pernafasan,” katanya.

Dr. Sharifa Ezat berkata, meskipun HMPV dianggap jangkitan virus tahap sederhana, namun orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa prihatin dengan tahap kesihatan masing-masing.

“Sentiasa basuh tangan, pakai pelitup muka jika perlu. Pastikan dapatkan vaksin untuk Covid-19 dan influenza.

“Sekiranya ada menunjukkan simptom-simptom yang anda sendiri tidak pasti sama ada sudah berjangkit influenza ataupun Covid-19, pergi jumpalah doktor dengan kadar segera untuk mendapatkan rawatan,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 8 NASIONAL 13/1/2025 (ISNIN)

Penggunaan asbestos makin kurang

Sektor pembinaan negara kini beralih guna bahan alternatif seperti aluminium

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASAN SHAH ALAM

Industri pembinaan negara sudah mengurangkan penggunaan barang seperti bumbung, siling, dinding pembahagi, lantai seramik dan paip air luaran yang mengandungi asbestos.

Naib Presiden 1 Persatuan Kontraktor-Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Mohammad Fauzee Mohamad berkata, bahan tersebut kebanyakannya sudah ditukar kepada logam, simen, aluminium dan lain-lain.

"Perbezaan bahan tersebut melibatkan kos yang agak tinggi tetapi kaedah penggunaan bahan gantian ini lebih mudah dan tahan lasak. Dari pada segi teknikal penggunaan bahan seperti asbestos ini dilihat lebih mudah rosak atau pecah.

"Apabila berlaku perintah bertahan penggunaan asbestos bermakna tiada kenaikan harga bahan tersebut dan ber kemungkinan bahan alternatif yang lain harganya akan me-



MOHAMMAD FAUZEE

ningkat secara mendadak sehingga 20 ke 30 peratus," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Mengulas lanjut, Mohammad Fauzee mencadangkan, satu lapisan perlindungan perlu dibina bagi mengurangkan risiko bahaya yang mampu menjelaskan kesihatan sekitarnya bahan asbestos masih mahu digunakan.

Sebelum ini media melaporkan, kerajaan sedang memperhalusi cadangan menghentikan sepenuhnya penggunaan bahan berasaskan asbestos yang masih digunakan secara meluas di negara ini.

Menyatakan, Menteri Sumber Asli dan Kestarian Alam, Nik Nazmi

Nik Ahmad berkata, ini berikutkan risiko dan kesan negatif terhadap kesihatan.

Menurutnya, ketika ini Jabatan Alam Sekitar sedang menerbitkan kajian berhubung penggunaan asbestos dan kesannya kepada alam sekitar dan kesihatan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada Julai tahun lalu menyerahkan memorandum kepada kerajaan mendesak pengharaman sepenuhnya semua bentuk asbestos, mengulangi gesaan sama yang mereka suarakan melalui memorandum yang dikemukakan ketika Mei 2001.

Asbestos merupakan bahan

ASBESTOS PEMBUNUH SENYAP

- Mineral semula jadi ditemui di dalam tanah dari batu
- Mempunyai daya tahan tinggi terhadap haba dan kebanyakan bahan kimia
- Digunakan dalam pelbagai barang industri antaranya atap, bahan penebat, lantai seramik, produk simen, brek kenderaan, tekstil dan lapisan

BAGAIMANA IA JADI BERBAHAYA?



Jika disentuh

Berisik jika dikendalikan secara langsung

Berada dalam keadaan pecah dan rosak

KESAN

- Risiko penyakit radang asbestos dan kanker paru-paru mesothelioma sebanyak 9 kali ganda
- Simptom seperti sesak nafas, dada terasa ketat, batuk kering berpanjangan, penat, demam dan berpeluh pada waktu malam
- Segera dapatkan rujukan awal di Klinik Kesihatan berhampiran jika berfikir ada gejala tersebut.
- Sebutir debu asbestos boleh menyebabkan risiko kanker dalam tempoh 30 tahun akan datang

PERLINDUNGAN

- Penggunaannya diharamkan di beberapa negara di seluruh dunia
- Di Malaysia, penggunaan asbestos diharamkan pada pembinaan bangunan kerajaan baru sejak tahun 1999



PENCEGAHAN

- Elak guna atau hampiri asbestos
- Jika masih gunakan bumbung asbestos, pastikan ia tidak retak dan pecah
- Jika pecah, pastikan proses baik pulih bumbung ikut prosedur khaw DOSH dan Jabatan Alam Sekitar
- Jika termampak di kawasan rumah atau kejiran, hubungi pihak berkuasa tempatan dengan segera untuk proses pelupusan

Sumber: Jabatan Keselamatan dan Kelebihan Pekerjaan (DOSH), Public Health Malaysia & Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

kimia toksik yang boleh menyebabkan kanser paru-paru dan penggunaannya diharamkan di 69 negara termasuk Finland, Itali, Jerman, Australia,

Jepun dan Thailand setakat Oktober 2022 oleh Sekretariat Pengharaman Asbestos Antarabangsa (IBAS).

Pada tahun 2006,

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah menganjurkan semua negara di dunia mengharamkan penggunaan asbestos.

INFOGRAPHIC OLEH: EPIC ©SINAR HARIAN